



RAKYAT MALAYSIA

UNIKNYA MALAYSIA

1 Melayu

Masyarakat terbesar di Malaysia, bertutur Bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu.

2 Cina

Kaum kedua terbesar di Malaysia, mempunyai dialek, kebudayaan dan kepercayaan yang unik dan tersendiri.

3 India

Kaum ketiga terbesar di Malaysia, kaya dengan ciri-ciri kebudayaan tersendiri.

4 Orang Asli

Antaranya ialah Jahai, Bateq, Semai, Mah Meri, Jakun dan Semelai. Mereka mempunyai bahasa pertuturan, budaya dan adat resam tersendiri.

5 Etnik di Sarawak

Pelbagai etnik seperti Iban, Melayu, Melanau, Bidayuh, Bisaya, Kenyah, Kayan, Kelabit, Penan, Kadayan dan Lun Bawang.

6 Etnik di Sabah

Antara etnik ialah Kadazandusun, Bajau, Murut, Kadayan, Bisaya, Iranun, Rungus, Orang Sungai, Brunei dan Suluk

7 Etnik Sikh

Etnik ini mudah dikenali melalui identiti pakaian iaitu serban bagi lelaki dan Punjabi bagi wanita. Bahasa ibunda ialah bahasa Punjabi.

8 Etnik Siam

Tinggal di kawasan sempadan Thailand seperti Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan. Perayaan yang disambut ialah *Loy Krathong* dan *Songkran*.

9 Etnik Portugis

Wujud kesan daripada pendudukan Portugis di Melaka. Etnik berketurunan Portugis disebut sebagai Serani hasil perkahwinan orang Portugis dengan penduduk tempatan. Tarian etnik ini yang paling terkenal ialah *beranyo* dan *frapeirra*.

10 Etnik Baba dan Nyonya

Perkahwinan pedagang dari China dengan penduduk tempatan telah mewujudkan Cina Peranakan. Golongan Nyonya memakai kebaya dengan kain batik. Mereka membentuk identiti unik dari segi masakan, pakaian, pinggan mangkuk dan perabot. Mereka menggunakan dialek Melayu-Baba.

11 Etnik Ceti

Hasil perkahwinan antara pedagang dari India dengan penduduk tempatan telah mewujudkan etnik Ceti atau Chitty atau India Peranakan. Mereka mempunyai pakaian tradisional iaitu kebaya labuh atau kebaya pendek bagi wanita dan lelaki baju cekak musang serta kain pelekak bagi lelaki.

MAKMURNYA TANAH AIRKU

Kaum	Petempatan Dahulu	Petempatan Kini
1 Melayu	- Bertumpu di pesisir pantai dan muara serta tebing sungai - Aktiviti menangkap ikan, bertani dan berniaga secara kecil-kecilan - Ada yang tinggal di kawasan pentadbiran dan berkembang menjadi bandar	- Tinggal di kampung dan bandar - Bekerja dalam pelbagai bidang
2 Cina	- Bekerja sebagai pelombong terutama di Selangor dan Perak - Ada berniaga di bandar dan pekan - Penduduk terbesar di bandar dan pekan baharu - Bandar dan pekan baharu sebagai pusat perniagaan dan pentadbiran	- Tinggal di kampung dan bandar - Bekerja dalam pelbagai bidang
3 India	- Tinggal di kawasan estet - Bekerja sebagai buruh atau kakitangan ladang - Ada yang bertugas dalam perkhidmatan awam dan tinggal di bandar	- Tinggal di bandar dan pinggir bandar - Berkhidmat dalam pelbagai bidang
4 Orang Asli	- Tinggal di Pahang, Perak, Selangor, Kelantan dan Terengganu - Majoriti Orang Asli tinggal di pedalaman - Menjalankan kegiatan mencari hasil hutan, berburu dan menangkap ikan	- Kawasan petempatan Orang Asli mengalami perubahan - Terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan - Ada yang berniaga kraft tangan dan hasil hutan seperti herba dan madu
5 Etnik Iban (Sarawak)	- Petempatan masyarakat terasing berdasarkan etnik seperti Iban, Bidayuh, Kenyah dan Penan - Menetap di kawasan pedalaman dan muara sungai - Bekerja sebagai petani dan mencari hasil hutan - Orang Melayu dan Melanau bertumpu di kawasan pesisir pantai kerana bekerja sebagai nelayan, peniaga dan petani	- Orang Melayu dan Melanau lebih bertumpu di bandar besar - Terdapat etnik lain yang turut berhijrah ke bandar dan menyebabkan generasi baharu etnik ini sukar dikenali - Terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan
6 Etnik Bajau (Sabah)	- Etnik Kadazandusun tinggal di pedalaman dan bekerja sebagai petani dan pemungut hasil hutan - Etnik Bajau tinggal di darat dan pesisir pantai serta bekerja sebagai nelayan - Etnik Murut yang tinggal di kawasan berbukit mengusahakan penanaman padi huma dan memungut hasil hutan	- Ramai berhijrah ke bandar terutama generasi muda - Menceburi bidang perkhidmatan awam, swasta dan perniagaan terutamanya pelancongan

ALAT MUZIK TRADISIONAL

- 1 **Gitar**
Alat muzik bertali yang dialunkan bagi tujuan hiburan, keagamaan, dan upacara pengebumian.
- 2 **Sape**
Berasal dari Sarawak. Dipetik seperti gitar ketika dimainkan. Diperbuat daripada kayu jenis pelaie, keladan dan jelutung.
- 3 **Sompoton**
Berasal dari Sabah. Diperbuat daripada labu air yang dikeringkan. Labu yang telah kering ditebuk dijadikan lubang. Lapan batang buluh kecil disusun dalam dua lapisan akan dimasukkan ke dalam lubang dan dilekatkan bagi menahan angin daripada keluar melalui celah-celah buluh apabila ditiup.
- 4 **Rebab**
Alat muzik tradisional Melayu. Alat ini merupakan alat gandingan dalam penceritaan Tok Selampit atau penglipur lara.
- 5 **Yangqin**
Mempunyai banyak tali dan diperbuat daripada kayu serta diletakkan di meja kecil yang diukir indah.
- 6 **Kompang**
Dimainkan di majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan dan majlis rasmi.
- 7 **Tabla**
Bagi masyarakat India, tabla berperanan ketika upacara keagamaan dan sebagainya.
- 8 **Vennai**
Alat muzik tradisional India yang diperbuat daripada kayu. Mempunyai empat tali untuk melodi dan tiga tali untuk dengungan.
- 9 **Dagu (Gendang besar)**
Dimainkan semasa upacara sembahyang dan persembahan tertentu.
- 10 **Gedombak**
Dimainkan ketika persembahan wayang kulit dan menora.
- 11 **Gong**
Gong dan Bonang digunakan bersama dalam persembahan Gamelan.
- 12 **Bo**
Merupakan alat muzik tradisional kaum Cina. Dihasilkan daripada gangsa.
- 13 **Seruling**
Dipanggil juga sebagai Pullangkulal oleh orang Tamil. Orang Cina memanggil sebagai Zhudi atau Dizi.
- 14 **Nafiri**
Dimainkan untuk golongan diraja dalam muzik nobat.
- 15 **Daun Kelapa**
Dimainkan di kampung-kampung bersama daun getah, daun pisang dan batang padi yang dijadikan alat muzik.

INDAH NIAN GERAK TARI

TARIAN TRADISIONAL

- 1 Tarian Inang**
Merupakan tarian istana yang dicipta semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Persembahan diiringi oleh alat muzik seperti rebana, biola dan gendang.
- 2 Tarian Makyung**
Dikaitkan dengan semangat padi yang digelar Mak Hiang untuk menghormati dan berterima kasih atas hasil tuaian yang diperoleh. Digunakan juga sebagai salah satu cara perubatan tradisional.
- 3 Tarian Singa**
Merupakan tarian tradisional masyarakat Cina. Memakai kostum singa dan meniru pergerakan singa. Dimainkan ketika sambutan Tahun Baharu Cina, membuka perniagaan atau memasuki rumah baharu.
- 4 Tarian Bharatanatyam**
Merupakan tarian masyarakat India. Biasanya dipersembahkan oleh penari wanita dalam majlis keagamaan atau majlis tertentu.
- 5 Tarian Sewang**
Tarian masyarakat Orang Asli. Ditarikan untuk tujuan perubatan, majlis keramaian dan perkahwinan serta membuka ladang baharu.
- 6 Tarian Ngajat**
Tarian tradisional di Sarawak. Ditarikan semasa perayaan hari Gawai dan selepas musim menuai.
- 7 Tarian Sumazau**
Dipersembahkan semasa Tadau Keamatan pada bulan Mei setiap tahun.
- 8 Tarian Bhangra**
Popular dalam masyarakat Sikh. Dipersembahkan untuk majlis keluarga dan keramaian.

PERMAINAN TRADISIONAL MASYARAKAT KITA

PERMAINAN ANJUNG

- 1 Batu Seremban**
Dikenali sebagai selambut dan dimainkan secara berpasangan atau berkumpulan. Alat permainan terdiri daripada batu atau objek kecil yang lain berbentuk bulat.
- 2 Congkak**
Dimainkan secara berpasangan. Dahulu, lubang congkak dibuat di atas tanah. Biji congkak pula ialah biji getah atau batu-batu kecil. Kini, congkak diperbuat daripada kayu atau plastik dan biji congkak ialah guli.
- 3 Weiqi**
Permainan berpapan ini dimainkan oleh dua orang. Menggunakan biji-biji berwarna hitam dan putih sebagai penanda. Objektif permainan adalah menguasai papan yang lebih besar daripada lawan.
- 4 Dam Haji**
Dimainkan oleh dua orang. Memerlukan buah dam dan papan berbentuk segi empat sama. Buah dam yang berjaya sampai ke hujung papan lawan dikatakan "naik haji" dan boleh bergerak bebas.
- 5 Paramapadham**
Biasanya dimainkan oleh dua hingga empat orang. Bergerak mengikut angka buah dadu yang dilemparkan.
- 6 Xiangqi**
Dimainkan oleh dua orang pemain. Dikenali sebagai catur cina.

PERMAINAN HALAMAN

1 Tating Lawi Ayam

Tating diperbuat daripada tiga atau empat helai bulu ayam yang diikat pada kepingan getah atau kertas tebal. Kemenangan dikira berdasarkan tatingan terbanyak.

2 Gasing

Dimainkan dalam dua cara, iaitu gasing uri atau gasing pangkah. Gasing uri dimainkan untuk melihat dan menguji ketahanan gasing berpusing. Gasing pangkah dimainkan secara individu atau berkumpulan.

3 Tibau

Dimainkan ketika Pesta Kaul (Perayaan selepas menuai)/ Dimainkan oleh etnik Melanau, Sarawak. Tibau berbentuk rak atau pemidang yang bertingkat-tingkat berbentuk piramid. Terdapat juntaian tali daripada rotan dan akan diayun seperti buaian. Pemain akan melompat secara bergilir-gilir ke atas tibau sehingga tibau tidak berayun lagi.

4 Ketingting atau Tingting

Dimainkan oleh kanak-kanak. Gelanggang dilukis dengan petak-petak bersambung di atas permukaan tanah. Pemain mesti memiliki penanda masing-masing.

5 Sepak Manggis

Pemain berdiri di dalam bulatan menghadap satu sama lain dan cuba menjatuhkan satu kotak yang dihias dengan kertas berwarna-warni. Kotak itu digantung pada tiang buluh setinggi 10 meter. Pemenang akan dihadiahkan wang, barangan atau makanan yang terdapat di dalam kotak tersebut.

6 Kabbadi/Sadugudu

Permainan bagi kaum India dan dimainkan oleh dua pasukan. Satu pasukan akan menghantar penyerang kepada pihak lawan. Penyerang tersebut perlu menahan nafas dan melaungkan perkataan kabbadi. Penyerang juga perlu menyentuh salah seorang pemain pihak lawan. Pemain yang berjaya disentuh akan tersingkir.

PERMAINAN LASAK

1 Wau

Biasanya dimainkan oleh dua orang iaitu seorang memegang wau dan seorang lagi juru anjung yang memegang tali. Apabila angin bertiup, tali akan ditarik melawan arus angin dengan cara menghulur dan menarik talinya sehingga wau tersebut terbang tinggi di udara.

2 Tarik Upih

Dimainkan dengan menggunakan upih pinang tua. Daunnya akan dijadikan hulu atau tempat untuk menarik upih tersebut. Dimainkan secara berpasangan. Salah seorang akan menjadi tukang tarik dan seorang lagi duduk di atas upih.

3 Mandi Sungai

Memerlukan kemahiran berenang dan menyelam. Kanak-kanak bermain kejar mengejar di dalam air.

CERITA RAKYAT KEBANGGAAN KITA

1. Cerita rakyat ialah cerita yang berbentuk cerita lisan.
2. Cerita rakyat disampaikan dari satu generasi ke satu generasi dan seterusnya menjadi warisan dalam masyarakat kita.
3. Cerita rakyat biasanya disampaikan oleh orang yang lebih tua seperti datuk, nenek, ibu bapa atau ketua masyarakat.
4. Cerita rakyat disampaikan untuk berhibur dan mendidik. Ada beberapa jenis cerita rakyat seperti legenda, mitos, cerita asal-usul, cerita jenaka, cerita binatang dan cerita hikayat.
5. Cerita rakyat disampaikan oleh penglipur lara. Ada yang menggelarnya dengan nama seperti Tok Selampit atau Awang Batil.